



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 02/01

ISU KETIRISAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Kementerian Pertahanan mengambil perhatian serius akan kenyataan Perdana Menteri Malaysia yang juga merupakan Menteri Kewangan, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai ketirisan perbelanjaan yang disampaikan pada Majlis Dialog Belanjawan Kerajaan 2023 di Putrajaya pada Selasa lepas.

Untuk makluman, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan perolehan aset secara tender terbuka seperti mana keperluan bagi ketiga-tiga cabang perkhidmatan (Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia). Bermula tahun 2023, lima (5) perolehan yang melibatkan bekalan dan perkhidmatan serta projek infrastruktur telah dibatalkan dan akan dilaksanakan secara tender terbuka. Ini selaras dengan dasar kerajaan pada masa ini yang mengutamakan ketelusan dan *value for money*.

Justeru, sebarang ketirisan dan salah laku sepanjang proses tersebut adalah sesuatu yang tidak akan sesekali dikompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan tindakan salah laku demi kepentingan peribadi. Kementerian ini juga tidak akan teragak-agak untuk melaporkan sebarang ketirisan dan ketidaktelusan terhadap proses perolehan tersebut kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

-TAMAT-

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
19 Januari 2023